

15/09/2001

Langkah fiskal rangsang ekonomi dikaji

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan kerajaan sekali lagi mengambil langkah fiskal bagi merangsang kegiatan ekonomi negara.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia akan terjejas oleh kelemahan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang mungkin berterusan berikutan serangan pengganas terhadap negara itu Selasa lalu.

"Kita sedang mengkaji pengambilan langkah ini dengan serius," katanya kepada pemberita selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan AS di sini, hari ini.

Mac lalu, beliau mengumumkan pakej rangsangan fiskal bernilai RM3 bilion sebagai peruntukan tambahan kepada belanjawan 2001 berjumlah RM28 bilion dalam usaha menangani kesan negatif ekonomi AS.

Antara rancangan dalam pakej itu ialah projek infrastruktur seperti sekolah, kolej dan universiti baru.

Dr Mahathir berkata, ekonomi Malaysia mempunyai kaitan rapat dengan ekonomi Amerika dan serangan itu, buat sementara waktu, akan mengalihkan tumpuan kerajaan AS daripada isu perdagangan kepada hal berkaitan keselamatan.

"Ekonomi Amerika sudah pasti mengalami kegawatan dan kita tidak boleh lari daripada tempias kesan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kemungkinan kerajaan melakukan suntikan dana tambahan akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang akan datang.

Eksport negara ke Amerika meningkat 13 peratus atau RM115 bilion bagi tempoh dua bulan pertama 2001, manakala tahun lalu, perdagangan dua hala Amerika-Malaysia dianggarkan bernilai RM120 bilion.

Daripada keseluruhan nilai dagangan antarabangsa Malaysia, 18.7 peratus di pasarkan di Amerika.

Jumlah itu merangkumi barangan getah (37.7 peratus), tekstil dan pakaian (31.6 peratus), barangan saintifik dan optikal (29.3 peratus), barangan elektrik dan elektronik (26.8 peratus), barangan kayu (19 peratus) serta getah (10.5 peratus).

Di PASIR PUTEH, Pengarah Eksekutif MTEN, Datuk Mustapa Mohamed, berkata pasukan khas sudah ditubuhkan bagi memantau kesan yang mungkin timbul berikutan serangan ke atas AS.

Pasukan itu akan mengadakan perjumpaan setiap hari dengan wakil kerajaan, swasta termasuk persatuan perniagaan luar negara dan persatuan perniagaan Amerika di Malaysia.

Katanya, Malaysia tidak banyak terjejas berikutan perkembangan itu kerana sistem kewangan berfungsi dengan baik terutama penetapan nilai ringgit RM3.80 berbanding dolar Amerika banyak membantu menstabilkan keadaan.

(END)